

Terowong Smart hanya atasi 45 peratus banjir

KUALA LUMPUR: Laluan air di Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan (Smart) yang mula beroperasi semalam, hanya dapat mengatasi 45 peratus daripada paras banjir besar yang berlaku ibu negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata Smart juga hanya dapat mengatasi masalah lebihan air di Sungai Klang dengan melencongkan 90 peratus aliran air di sungai itu dari pusat bandar.

Beliau berkata, pakej kedua tebatan banjir yang dapat mengatasi 55 peratus lagi masalah banjir iaitu pembinaan kolam takungan di Batu dan Jinjang bagi melencongkan air dari Sungai Gombak dan Sungai Batu, hanya akan siap pada September dan Oktober depan.

Katanya, apabila kedua-dua pakej utama siap keseluruhannya akhir tahun ini, masalah banjir disebabkan limpahan sungai di ibu kota dapat diatasi sepenuhnya.

"Terowong air Smart ini membolehkan 90 peratus air di Sungai Klang yang berpunca dari Ulu Klang dilencongkan dari pusat bandar dan disimpan untuk sementara waktu sebelum dilepaskan secara berperingkat.

"Ini membolehkan Sungai Klang di pusat bandar tidak dipenuhi air melebihi kapasitinya sehingga menyebabkan banjir seperti yang berlaku 10 Jun lalu dan beberapa banjir besar sebelum ini," katanya selepas Majlis Wacana Pengurusan Banjir di Lembah Klang di sini, semalam.

Beliau berkata, Smart mempunyai dua kolam takungan air di Kampung Berembang dengan kapasiti 600,000 meter padu dan di Taman Desa dengan kapasiti 1.4 juta meter padu.

"Apabila hujan, JPS akan tutup pintu air dalam Sungai Klang dan alihkan air sungai masuk ke dalam kolam takungan di Kampung Berembang. Kemudian, kami akan buka pintu ke terowong Smart yang mempunyai kapasiti satu juta meter padu dan keluar ke kolam di Taman Desa," katanya.

Selain itu, kerja tebatan banjir bagi Sungai Kerayong giat dijalankan meliputi pembinaan Kolam Takungan Banjir Seri Johor yang dijangka siap Januari depan dan menaik taraf sungai Kerayong sepanjang 1.8 kilometer dari kuasanya di Sungai Klang yang mungkin siap pada Jun 2008.